

## *Pidato sebagai Wahana Penilaian Alternatif bagi Kemahiran Lisan*

**Faizal Farouk**

faizal\_b\_farouk@moe.edu.sg

**Zulhafiz Zainal**


zulhafiz\_zainal@moe.edu.sg

Sekolah Menengah Woodlands Ring

### *Abstrak*

Penilaian Semester satu (SA1) atau semester dua (SA2) selalunya menilai kesemua aspek kemahiran bahasa. Namun penilaian sumatif seperti ini kadangkala masih tidak dapat menggambarkan kemampuan dan pencapaian pelajar yang sebenar. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat keberkesanan pidato sebagai satu penilaian alternatif yang dapat membina dan memperkasakan ketrampilan lisan pelajar-pelajar. Dengan menggunakan pidato sebagai satu wadah dalam membina kemahiran lisan, pelajar dapat dinilai dengan kaedah alternatif. Dapatan kajian menunjukkan pidato dapat dijadikan sebagai satu wadah penilaian alternatif yang berkesan bagi pelajar Menengah 1 yang mempelajari subjek Bahasa Melayu.

Kata Kunci: penilaian alternatif, pidato, kemahiran lisan, membina ketrampilan



## PENGENALAN

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) tidak akan menjadi lengkap jika tidak disertakan dengan penilaian. Penilaian juga menjadi kayu ukur keberkesanan pengajaran yang dijalankan. Menurut Gibbs (2010), penilaian berpotensi mengubah sikap pelajar terhadap pembelajaran dan membantu mereka meraih tahap pencapaian yang lebih baik. Salah satu aspek penilaian yang boleh digunakan adalah penilaian alternatif. Penilaian alternatif bukan bersifat penilaian traditional dan merupakan satu wadah lain bagi guru menilai pencapaian para pelajar.

Anderson (2016) mendefinisikan pidato sebagai suatu ucapan atau syarahan yang disampaikan di hadapan khalayak. Ia juga merupakan satu aktiviti berkomunikasi secara sehalu, iaitu pemedato akan menjelaskan perkara-perkara tentang sesuatu tajuk dalam masa yang ditentukan untuk mempengaruhi para pendengar supaya bersetuju dengan apa akan dibentangkan. Ia juga bertujuan untuk menerangkan sesuatu maklumat bagi meyakinkan sekumpulan pendengar.

## PERNYATAAN MASALAH


Penilaian yang sering dilakukan di sekolah-sekolah ialah penilaian yang berbentuk sumatif. Penilaian ini selalunya dijalankan pada setiap akhir penggal persekolahan dan seringkali menjadi kayu ukur bagi menggambarkan tahap pencapaian seseorang pelajar. Penilaian seperti ini sering kali dilihat sebagai gambaran yang tidak menyeluruh. Bagi menilai pelajar dengan cara menyeluruh, penilaian holistik perlu diperkenalkan. Penilaian yang menyeluruh sering kali melibatkan penilaian yang berbentuk sumatif, formatif dan juga alternatif.

Dalam usaha untuk memperkenalkan satu penilaian yang menyeluruh, penilaian alternatif perlu diperkenalkan kepada pelajar. Pidato, dilihat sebagai satu wahana yang berpotensi untuk dijadikan sebagai wadah penilaian alternatif.

## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk:

1. mengkaji keberkesanan pidato sebagai alat penilaian alternatif bagi jangka masa panjang; dan



2. mengkaji kelebihan pidato sebagai alat penilaian kemahiran lisan.

## **KAJIAN LEPAS**

Terdapat beberapa kajian yang pernah dijalankan untuk menentukan kepentingan dan keberkesanan penilaian alternatif dalam pembelajaran. Hunt, Wiseman dan Bowden (2013), menekankan tentang kepentingan penilaian alternatif sebagai salah satu cara yang dapat mengubah tumpuan guru daripada hasil tugas yang diberikan kepada individu yang melakukannya. Dengan cara ini, guru juga dapat mengenali individu tersebut secara lebih mendalam. Selain itu, dengan melaksanakan penilaian alternatif, guru dapat memberikan tumpuan terhadap proses penghasilan tugas tersebut. Ini dapat menjadikan penilaian yang dilaksanakan sesuatu yang kaya dengan pengajaran bagi diri pelajar.


Holland dan Bloome (1994), mendapati bahawa bahasa lazimnya dinilai melalui penulisan. Walaupun ini merupakan satu cara yang sesuai untuk menilai pencapaian pelajar, namun ia bukanlah satu-satunya cara yang optimum kerana cara ini tidak menjadi kayu ukur yang sesuai bagi pelajar dengan kemahiran yang pelbagai. Oleh sebab itu, mereka menekankan tentang kepentingan kebolehan berbahasa pelajar dengan cara yang berbeza.

Berry (2008), berpendapat bahawa ujian, peperiksaan dan juga penilaian konvensional boleh menimbulkan emosi yang berunsur negatif bagi pelajar dan juga guru. Ujian, peperiksaan dan juga penilaian konvensional di sekolah boleh menyebabkan keresahan, ketakutan dan kebimbangan terhadap peperiksaan dan juga kerisauan mengenai pendapat orang ramai terhadap prestasi mereka. Perkara ini menyedihkan kerana proses pembelajaran bergantung pada taksiran dan penilaian. Pembelajaran tidak akan wujud tanpa maklum balas dan proses penilaian amat berguna kerana ia memberikan maklum balas. Namun, pelajar yang mengharungi pengalaman pahit kerana peperiksaan dan ujian akan mengubah persepsi mereka mengenai pembelajaran di sekolah.

## **KAEDAH KAJIAN**

### **Subjek Kajian**

Subjek kajian yang terlibat adalah merupakan pelajar-pelajar Menengah 1 yang mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu. Jumlah keseluruhan subjek kajian



yang terlibat ialah 89 pelajar daripada tahap penguasaan bahasa Melayu yang pelbagai aras kebolehan.

### **Instrumen Kajian**

Untuk kajian ini, guru telah menyediakan bahan-bahan pengajaran bagi enam sesi. Bahan-bahan ini meliputi slaid *Powerpoint*, nota pelajar dan rubrik penilaian pidato. Struktur pidato yang digunakan untuk penghasilan slaid dan nota pelajar adalah berdasarkan buku *Tedtalks*.

### **Prosedur Kajian**

Kajian ini telah dijalankan dalam bentuk sesi pengajaran pidato pada dua minggu terakhir Penggal 2. Ia dijalankan sebagai aktiviti pascaperiksaan Bahasa Melayu. Setiap sesi berlangsung selama sejam dan para pelajar telah menjalani enam sesi secara keseluruhan.


Bagi sesi pertama, para pelajar telah didedahkan kepada konsep dan fungsi pidato. Mereka juga telah diminta untuk berbincang tentang manfaat berpidato dengan pasangan masing-masing. Topik-topik pidato yang perlu dibentangkan pada akhir bengkel juga telah dibentangkan kepada mereka.

Bagi sesi kedua, para pelajar telah didedahkan kepada tiga jenis awalan pidato yang dianggap sebagai baik dan berkualiti. Kemudian, mereka telah diminta untuk melakarkan awalan yang sesuai bagi topik pidato mereka.

Bagi sesi ketiga, para pelajar telah diajar tentang struktur isi dalam sebuah pidato serta cara-cara menghasilkan isi yang berkualiti. Kemudian, dengan menggunakan sebuah peta minda, mereka dikehendaki menjana isi yang sesuai dan relevan dengan topik pidato mereka.

Bagi sesi keempat, para pelajar telah diajar tentang tiga jenis pergerakan yang diperlukan dalam sebuah pidato serta fungsi-fungsinya. Kemudian, dalam pasangan masing-masing, salah seorang perlu membentangkan bahagian isi pidatonya dan seorang lagi akan memberikan perhatian dan komen terhadap jenis pergerakan dalam penyampaian pidato rakannya.

Bagi sesi kelima, para pelajar telah diajar tentang tip-tip bagi sebuah



penyampaian yang berkesan. Kemudian, mereka telah diberikan rubrik penilaian dan guru telah menerangkan aspek-aspek yang dinilai dalam rubrik secara terperinci.

Bagi sesi keenam, para pelajar telah memilih lima orang rakan untuk bertanding dalam sebuah peraduan pidato. Dengan mengambil kira komen daripada para pelajar dan penilaian guru, seorang pelajar telah dipilih sebagai pemenang pertandingan tersebut. Pelajar ini dikehendaki menjadi wakil kelas bagi bahagian pidato yang diadakan sewaktu konsert Hari Raya sekolah.


Sebagai penilaian, para pelajar telah diberikan satu topik yang baharu, iaitu 'Pekerjaan Idaman'. Kemudian, mereka diminta untuk menulis skrip dan membuat rakaman video pembentangan pidato tentang topik tersebut. Rakaman tersebut telah diberikan kepada guru mereka dan telah dinilai mengikut rubrik penilaian yang telah dijelaskan sewaktu bengkel pidato yang pelajar jalani. Dalam hal ini, pengkaji telah menganalisis hasil tugas serta skrip mereka untuk mencapai objektif kajian.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Kajian ini merupakan satu kajian awal untuk menentukan kesesuaian aktiviti berpidato sebagai alat penilaian alternatif pada jangka masa panjang. Dalam menentukan kesesuaian pidato sebagai alat penilaian alternatif, beberapa faktor telah diambil kira.

Pertama ialah struktur pengajaran subjek Bahasa Melayu. Sekolah Menengah Woodlands Ring menitikberatkan pengajaran berdasarkan skema pengajaran. Selain itu, guru-guru juga banyak menganjurkan program-program yang dapat memperkaya pengalaman pelajar dalam konteks dunia Melayu. Lantas, untuk menentukan bahawa bengkel pidato ini tidak menjejaskan pembelajaran bahasa Melayu serta pelaksanaan program-program yang lain, guru-guru telah merancang bengkel ini dengan teliti. Bengkel pidato yang dijalankan telah dirancang awal dan dimasukkan ke dalam skema pengajaran sebagai sebahagian daripada program PdP Bahasa Melayu bagi pelajar Menengah 1.

Kedua, masa merupakan satu aspek penting yang perlu diambil kira agar bengkel pidato tidak menjejaskan aliran skema pengajaran dan program-program sekolah. Bengkel pidato telah dijalankan dalam minggu kesembilan




dan kesepuluh penggal dua yang mana pelajar sedang melaksanakan program pascaperiksaan. Dengan cara ini, bengkel tersebut dapat dilaksanakan dengan baik tanpa gangguan. Selain itu, isi kandungan dan tugas bagi bengkel ini telah direka untuk menepati kehendak acara konsert Hari Raya Aidilfitri. Ini menggabungkan kedua-dua aspek agar dapat menjimatkan masa dan mengurangkan beban guru dan pelajar.

Ketiga, kesesuaian pidato sebagai alat bagi penilaian alternatif juga bergantung pada struktur penilaian sekolah masing-masing. Sekolah Menengah Woodlands Ring menitikberatkan penilaian secara holistik. Lantas, terdapat satu bahagian penilaian yang ditetapkan khas kepada penilaian alternatif. Penilaian ini merangkumi 10% daripada markah keseluruhan pelajar bagi setiap mata pelajaran. Oleh sebab itu, pidato digunakan sebagai salah satu wadah penilaian alternatif bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Sekiranya pihak sekolah menyokong struktur penilaian sedemikian yang sejajar dengan kehendak pihak Kementerian Pendidikan, mudahlah bagi guru-guru memasukkan aspek pidato sebagai bahan penilaian alternatif.

Manfaat utama pidato adalah untuk meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis dalam kalangan para pelajar. Dengan latihan menjana isi yang sesuai bagi pidato, pelajar dilatih untuk 'memecahkan' topik utama kepada beberapa sub-topik. Dengan kaedah ini, murid dapat melihat kaitan isi mereka dengan topik secara lebih meluas. Sekiranya kaitan yang diperlukan kurang jelas, pelajar boleh memikirkan tentang jawapan yang sesuai untuk mengukuhkan kaitan antara isi-isi mereka dengan topik utama pidato yang diberikan. Dengan cara ini, murid akan meningkatkan kemahiran mereka untuk berfikir. Mereka perlu mengait dan mensintesis isi serta menjelaskannya dalam konteks sebab dan akibat. Hal ini juga memerlukan pelajar menggunakan bahasa yang baik dan jelas.

Melalui pidato, pelajar juga perlu merancang dan membentangkan hujah-hujah yang penting dengan baik. Sebelum membentangkan pidato masing-masing, mereka haruslah memastikan idea mereka tersusun dengan sistematik. Ini merupakan satu kemahiran yang penting untuk menentukan agar pendengar dapat memahami isi yang disampaikan oleh pemedato. Selain itu, pelajar juga digalakkan untuk mengaitkan bahasa dan perenggan yang mengandungi isi-isi penyampaian dengan baik dan tersusun.

Melalui aktiviti berpidato, pelajar dapat membina keyakinan diri mereka



kerana pidato melibatkan pelbagai kemahiran yang dikuasai pelajar. Selain daripada mengupas sebuah topik dengan teliti, pelajar perlu membentangkan pidato tersebut di hadapan khalayak sekumpulan pendengar dan ini memerlukan keyakinan yang tinggi. Perasaan takut itu tentulah suatu yang lumrah, tetapi dengan latihan yang cukup, mereka boleh mengurangkan rasa takut itu untuk menjadi seorang yang cekap dan yakin. Ini dapat membantu mereka apabila mereka mengalami dunia pekerjaan pada suatu masa nanti.

## **KESIMPULAN**


Kajian lepas yang dijalankan banyak menunjukkan bahawa cara penilaian tradisional mempunyai beberapa kekangan. Keadaan akan menjadi lebih sukar jika penilaian tradisional itu menyebabkan pelajar meninggalkan dan tidak menghiraukan objektif pembelajaran asal.

Lantas, seiring dengan arah tujuan Kementerian Pendidikan Singapura untuk meluaskan wadah dan format penilaian, maka pentinglah bagi guru-guru mencuba kaedah penilaian lain yang sesuai lagi adil bagi para pelajar yang mempelajari bahasa Melayu. Dengan pelaksanaan kajian ini, ia telah menyerlahkan kepentingan penilaian alternatif sebagai salah satu cara penilaian yang sesuai dan adil terhadap pelajar bagi mata pelajaran bahasa Melayu.

Melalui aktiviti berpidato sebagai salah satu wadah bagi penilaian, ia telah meyakinkan para pengkaji bahawa wadah ini sesuai digunakan sebagai salah satu alat penilaian alternatif. Lantas, diharapkan bahawa guru-guru lain dapat bersifat terbuka dalam menerima saranan yang diberikan untuk cuba melaksanakan pidato sebagai satu wadah penilaian alternatif.

Guru lain yang terlibat dalam kajian ini:

1. Memymiswati Chokri
2. Zuliana Hamdan
3. Adnan Mahmud
4. Nur Afiqah Mokhtar Kamarudin



## RUJUKAN

Anderson, C. (2016). *Ted talks: The official TED guide to public speaking*. New York: Houghton Muffin Harcourt Publishing Company

Berry, R. (2008). *Assessment for learning*. Hong Kong: Hong Kong University Press

Gibbs, G. (2010). *Using assessment to support student learning*. Oxford: Oxford Centre for Staff Development

Holland, K.E. & Bloome, D. (1994). *Alternative perspectives in assessing children's language and literacy*. United States of America: Ablex Publishings Corporations.

Hung, G, Wiseman, D. & Bowden, S. (2013). *The Modern middle school: Assessing standards and student needs*. United States of America: Charles C Thomas Publisher Ltd.

